

Editorial Notes

Cite this editorial: Borham, A. H. (2024). Editorial. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), i-iv. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.10.2024>

Jurnal Al-MAKRIFAH, vol. 2, Issue 2 mengandungi artikel-artikel yang memfokuskan penulisan dalam bidang tafsir al-Quran, hadith, pendidikan Islam, wakaf, fatwa, tokoh, gerakan Islam, dakwah dan pemikiran Islam. Artikel pertama Isu 2 ini bertajuk *Metode Dakwah Rasul Ulul ‘Azmi Berdasarkan Tafsir Ibn Kathir*. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis metode dakwah Rasul Ulul ‘Azmi berdasarkan Tafsir Ibn Kathir atau dikenali dengan Tafsir al-Quran al-Azm. Penulis telah menganalisis ayat-ayat al-Quran berkaitan metode dakwah Rasul Ulul ‘Azmi dalam Tafsir Ibn Kathir yang membawakan penjelasan ayat-ayat tersebut bersandarkan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ia dapat membantu pendakwah untuk memahami metode dakwah yang terbaik. Tambahan pula, penerangan yang diberikan turut dikaitkan dengan ayat al-Quran bagi meneguhkan lagi keyakinan dan panduan yang baik dalam menyampaikan dakwah agama Islam. Hal ini kerana, dakwah tanpa perancangan atau panduan yang betul mungkin kurang efektif dalam menyampaikan mesej dakwah tersebut. Seterusnya, melalui penerangan ini jelas menunjukkan bahawa cara penyampaian dakwah perlulah berlandaskan kepada tahap, situasi dan keadaan target *mad'u* tersebut.

Seterusnya, artikel kedua bertajuk *Potensi Dan Realiti Kutipan Dana Wakaf Tunai Negeri Perak Darul Ridzuan*. Sektor kewangan Islam yang berkembang pesat pada masa kini, menonjolkan potensi wakaf tunai sebagai salah satu instrumen kewangan yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan sosio-ekonomi terhadap komuniti setempat. Namun begitu, potensi sebenar wakaf tunai belum dapat digembleng secara optimal dalam aspek kutipan dan sumbangan kepada penduduk Islam di negeri Perak. Ini dilihat melaui kutipan dana tunai didorong potensi medium promosi dan pelaksanaan projek-projek wakaf yang dikendalikan oleh Wakaf Perak Ar Ridzuan (WPAR). Artikel ini bertujuan membincangkan potensi kutipan dana wakaf dalam empat sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, ekonomi dan keagamaan berdasarkan analisis terhadap laporan kutipan dana WPAR tahun 2016 hingga tahun 2021. Dapatkan kajian menunjukkanlima aspek yang dapat meningkatkan potensi kutipan dana tunai, terdiri daripada potensi sumber dana, potensi medium promosi, potensi medium kutipan, potensi pelaksana dan potensi pewakaf. Implikasi kajian membuktikan wakaf tunai membantu dalam pengembangan produktiviti dan manfaat wakaf. Justeru, kecekapan pengurusan, inovasi produk wakaf tunai serta jalinan kerjasama bersepadau antara agensi menyumbang kepada kemakmuran dan kelestarian wakaf di seluruh negara amnya, dan di negeri Perak.

Artikel ketiga dalam Isu 2 ini bertajuk *Ketokohan dan Sumbangan Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail bin Haji Muhammad al-Hafiz dalam Bidang al-Quran*. Tokoh ini telah memberikan sumbangan yang besar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Latar belakang sejarah pendidikan al-Quran beliau dikemukakan bermula daripada beliau mempelajari ilmu al-Quran, menghafaz al-Quran dan perkembangan kerjaya beliau. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Tan Sri Dato' Seri (Dr) Syeikh Haji Ismail Haji Muhammad merupakan tokoh al-Quran yang sangat berjasa dan berperanan penting dalam perkembangkan ilmu al-Quran di Malaysia. Beliau telah banyak memberi sumbangan di bidang pengajian al-Quran yang merangkumi tafsir al-Quran, *tajwid*, *qiraat* dan *tarannum*. Lantikan beliau sebagai hakim majlis tilawah dan hafazan al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping

sumbangan beliau sebagai tulang belakang kepada kejayaan *qari qariah* negara secara tidak langsung menyerlahkan ketokohan beliau yang tiada tandingan.

Artikel keempat pula bertajuk *Kefahaman Fatwa Mengenai Akidah dalam Kalangan Belia Islam di Negeri Selangor*. Fatwa-fatwa mengenai akidah dalam pengharaman ajaran-ajaran sesat dan ideologi yang bertentangan dengan Islam seperti Al-Arqam, Syiah, Hizbut Tahrir, Qadiani, liberalism, pluralism, anti-hadith, Islamic State dan lain-lain telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS). Ia bertujuan menjadi garis panduan kepada umat Islam khususnya belia Islam agar tidak terlibat dengan perkumpulan-perkumpulan berkenaan. Ketetapan fatwa telah dikeluarkan, namun persoalannya ialah adakah belia Islam mengetahui tentang fatwa pengharaman ajaran dan ideologi menyeleweng yang banyak tersebar di Malaysia pada ketika ini. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat item-item yang menunjukkan belia mempunyai tahap kefahaman yang tinggi seperti isu Valentine's Day. Terdapat juga item yang menunjukkan kefahaman belia pada tahap sederhana seperti isu liberalism, sekularisme, anti hadith dan ada item yang pada tahap rendah seperti item mengenai Hizbut Tahrir dan Qadiani. JMNS perlu menggunakan strategi penyampaian fatwa yang lebih efektif bagi golongan belia yang aktif menggunakan internet dan media sosial baharu bagi memastikan golongan ini mendapat maklumat fatwa terkini dengan tepat.

Seterusnya, artikel kelima dalam Isu 2 bertajuk *Hamka and the Rise of Kaum Muda (the Modernist) in Indonesia*. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis latar belakang sejarah perkembangan gerakan pembaharuan Islam yang muncul di Minangkabau. Gerakan ini dipelopori oleh Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah atau nama singkatannya Hamka (1908-1981). Ia memberi pengaruh yang mendalam dalam membangkitkan kesedaran dan perjuangan agama kaum muda yang tercetus pada permulaan abad ke 20 di kepulauan Melayu-Indonesia. Ia terkesan dengan gagasan-gagasan moden yang dikembangkan dari idea Muhammad Abduh (1849-1905) yang memberi pengaruh yang besar. Gerakan pembaharuan ini dipelopori oleh golongan modernis (Kaum Muda) yang menyebarkan idea-idea pembaharuan progresif dan dinamik melalui penulisan jurnal dan akhbar yang diterbitkan seperti *Al-Imam*, *Al-Munir* dan *Saudara*. Antara perintis yang awal dalam perjuangan kaum muda adalah bapanya sendiri iaitu Haji Rasul bersama-sama dengan Kiayi Haji Ahmad Dahlan merupakan pengasas gerakan Muhammadiyah di Indonesia. Perjuangan ini diwarisi oleh Hamka yang menjadi tonggak dan kekuatan penting dalam gerakan Muhammadiyah dengan idea-idea reformis yang diilhamkan oleh Muhammad Abduh. Penulis merumuskan bahawa gerakan perjuangannya telah membawa kesan yang meluas dalam mencetuskan kesedaran moden secara gerakan *tajdid* dan *islah* yang tersusun dalam pergerakan Muhammadiyah dalam tradisi pembaharuan dan pemodenan Islam di dunia Melayu.

Dalam artikel keenam pula bertajuk *Pendekatan Alternatif dalam Penilaian Hadis: Satu Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR)*. Kepasifan dalam penilaian hadis boleh diatasi dengan menggunakan pelbagai pendekatan interdisiplin sebagai kaedah penilaian. Ini akan menghasilkan perkembangan pengetahuan tentang hadis, terutamanya dalam bidang penilaian hadis serta melalui pendekatan yang berbeza. Artikel ini menghuraikan tiga pendekatan dalam menilai kesahihan hadis iaitu pertama, pendekatan ahli fiqh (*fugahā*). Manakala, pendekatan kedua ialah melalui pendekatan sejarah dan ketiga, pendekatan saintifik-rasional. Melalui kajian literatur, penyelidikan ini memaparkan tiga topik tersebut berdasarkan pemerhatian yang dibuat dalam kajian-kajian relevan, buku-buku dan karya para ulama yang berkaitan dengan topik perbincangan ini. Ahli fiqh hanya melihat hadis sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam (syariah). Oleh itu, penilaian mereka terhadap hadis hanya menghasilkan dua kesimpulan: *maqbūl*, yang bermaksud boleh diamalkan (*ma'mul bih*) dan *mardūd*, yang bermaksud tidak boleh diamalkan. Selain itu, perbezaan dalam penilaian ahli

fiqh terhadap kebolehpercayaan perawi ('*addālah al-ruwāh*) dianggap lebih toleran daripada kriteria yang digunakan oleh sarjana hadis. Selain itu, untuk menilai kesahihan hadis, para ulama juga melibatkan pendekatan sejarah. Misalnya, ini dilakukan oleh Jonathan Brown melalui metod tiga tingkat atau seperti yang dilakukan oleh Sādah al-Ghumariyyīn melalui analisis kritikal serta perbandingan teks klasik. Selain itu, al-Idlibi menawarkan pendekatan saintifik-rasional untuk menilai kesahihan hadis. Kesimpulannya, pendekatan ahli fiqh, pendekatan sejarah dan pendekatan saintifik-rasional telah menyumbang kepada penilaian kesahihan hadis seterusnya memperkaya bidang hadis dengan metodologi yang pelbagai.

Seterusnya, artikel ketujuh Isu 2 ini bertajuk *The Implementation of Integrated Islamic Education (IIE) in Malaysian Islamic Religious Secondary Schools from Education Administrators' Perspectives*. Ia berasaskan premis keperluan kurikulum pendidikan Islam (IIE) bersepadu yang dapat membangunkan insan daripada perspektif pentadbir sekolah dan pegawai pendidikan. Ia mengenai aspek utama yang berkaitan dengan keberkesanannya pelaksanaan kurikulum IIE, seperti pemahaman konsep IIE dan teknik pengajaran dan penilaian IIE. Dapatkan kajian menunjukkan pentadbir sekolah mempunyai sikap positif terhadap IIE, mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang konsep bersepadu pendidikan Islam dan sangat menggalakkan guru-guru di sekolah mereka menggunakan pelbagai kaedah pedagogi dalam pengajaran IIE. Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa sekolah telah melaksanakan penilaian yang sistematik untuk pencapaian akademik pelajar, namun hanya sebahagian sekolah telah menilai aspek tingkah laku pelajar mereka. Ia mendedahkan beberapa masalah dalam melaksanakan IIE, seperti trend berorientasikan peperiksaan dan ketidakcukupan guru bertauliah profesional di sekolah.

Artikel kelapan dalam Isu 2 bertajuk *Implementasi Program Pendidikan Terapi Al-Quran Dan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Autisme di Akademi Al-Quran Ar-Rayyan*. Program Pendidikan Terapi Al-Quran dan Ibadah dalam kalangan pelajar autisme merupakan satu inisiatif yang direka untuk membantu pelajar autisme memahami dan menghayati ajaran Al-Quran serta ibadah. Ia dilaksanakan dengan tujuan untuk perkembangan kognitif, emosi, dan spiritual pelajar autism dengan kaedah yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan khas mereka. Ini kerana, kanak-kanak dengan spektrum autism sering menghadapi pelbagai cabaran dalam pembelajaran tradisional, termasuk dalam pendidikan agama. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan Program Pendidikan Terapi al-Quran dan Ibadah kepada pelajar autisme di AQR memberi impak positif kepada pelajar walaupun terdapat cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru dan pihak sekolah. Pendekatan yang bersifat individualisasi, penggunaan alat bantu teknologi, dan teknik visualisasi dapat meningkatkan pemahaman dan penglibatan kanak-kanak autisme dalam pembelajaran al-Quran dan ibadah. Selain itu, peranan keluarga dan persekitaran sosial yang menyokong juga sangat penting dalam memastikan kejayaan pembelajaran. Implikasi daripada kajian ini menekankan pentingnya latihan khusus bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dan teknik pengajaran guru serta penyediaan sumber yang mencukupi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif. Dengan penerapan strategi yang tepat, kanak-kanak autisme dapat mencapai kemajuan yang signifikan dalam pemahaman dan amalan keagamaan mereka, seterusnya membolehkan mereka menjalani kehidupan spiritual yang lebih bermakna.

Artikel terakhir dalam Isu ini bertajuk *Cabarhan Pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) dalam Mempelajari Ilmu Qiraat di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. Darul Quran JAKIM merupakan satu institusi pengajian tahliz yang banyak melahirkan para pelajar menghafal al-Quran dengan kurikulum yang sistematik. Menariknya, para pelajar dan graduan di institusi ini turut meliputi golongan orang kurang

upaya (OKU). Walau bagaimanapun, pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) di Darul Quran, JAKIM merupakan golongan minoriti yang mempelajari ilmu Qiraat. Pelajar OKUMP yang mengikuti program Diploma Tahfiz wal Qiraat perlu mempelajari ilmu Qiraat di semester satu dan dua. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh OKUMP dalam mempelajari ilmu Qiraat. Pengkaji menggunakan metode kajian iaitu kualitatif melalui temubual secara atas talian bagi mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam mendalami ilmu Qiraat. Seramai 16 orang responden yang terdiri daripada pelajar dan alumni OKUMP Darul Quran telah memberi respon dan kerjasama yang baik sepanjang kajian dijalankan. Hasil kajian mendapati tiga cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam memahami ilmu Qiraat iaitu kitab Qiraat Braille, asas Bahasa Arab dan kaedah pengajaran guru. Pelajar OKUMP perlu diberi perhatian lebih berbanding dengan pelajar normal yang lain agar ilmu Qiraat dapat difahami dengan baik oleh mereka.

Semoga artikel-artikel yang telah diterbitkan dalam Jurnal al-Makrifah Isu 2 ini, memberikan manfaat kepada semua lapisan peringkat pembaca. Terima kasih.

Abd Hadi bin Borham

Chief Editor

Al-MAKRIFAH *Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*